

03/04/2002

Pemilihan Tokoh Guru selesai sebelum 10 April

Syuhada Choo Abdullah

SEMUA keputusan pertandingan dan penganugerahan utama, termasuk Tokoh Guru Kebangsaan, yang diadakan khas sempena perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2002, dijadualkan selesai diproses selewat-lewatnya pada 10 April ini.

Ketua Penolong Pengarah di Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan, Markom Giran, berkata kerja serta urusan memproses keseluruhan keputusan terbabit perlu disiapkan menjelang tarikh akhir itu bagi memastikan semua dokumen yang diperlukan sedia untuk cetakan buku program majlis pelancaran perayaan itu di Sabah, 16 Mei ini.

Bagaimanapun, beliau berkata, dokumen berkenaan tidak merangkumi keputusan acara bahas berikutan pertandingan peringkat separuh akhir dan akhir akan diadakan di Kota Kinabalu sehari sebelum berlangsungnya majlis kemuncak itu.

Sejajar dengan penekanan kementerian terhadap aspek perpaduan selama ini, katanya, pertandingan bahas yang dibahagikan kepada kategori bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, dianjurkan berdasarkan konsep integrasi, yakni penyertaan sesebuah pasukan tidak hanya dipelopori oleh satu kaum saja.

Malah, beliau berkata, konsep integrasi turut mendasari konsep pemilihan Tokoh Guru Kebangsaan tahun ini yang sedang diproses dengan setiap penerima anugerah itu tetap memenuhi kriteria khusus yang digariskan.

"Setakat ini, terdapat 50 pencalonan dari seluruh negara dalam penganugerahan Tokoh Guru Kebangsaan 2002.

"Mereka rata-ratanya berpengalaman sebagai pegawai perkhidmatan pendidikan yang berwibawa.

"Bilangan penerima Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan masih belum ditetapkan.

Bagaimanapun pada kebiasaannya, lima calon akan terpilih seperti ketika perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan tahun lalu.

"Selain itu, tidak kurang rancak berlangsung sekarang ialah peraduan mengarang sempena sambutan perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2002 di mana penyertaan kali ini turut dibuka kepada karya dalam bahasa Cina, Tamil, Arab dan Jepun.

"Peraduan berkenaan dikelolakan oleh Bahagian Buku Teks," katanya kepada Berita Harian.

Hari Guru disambut pada setiap 16 Mei, iaitu tarikh yang sama pada 1956 di mana Majlis Undang-Undang Persekutuan Tanah Melayu menerima cadangan Laporan Jawatankuasa Pelajaran sebagai dasar pelajaran negara.

Sejak itu, dokumen berkenaan yang dikenali sebagai Laporan Razak menjadi Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Markom berkata, majlis pelancaran sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2002 yang akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Hotel Pan Pacific Sutera Harbour, bakal dihadiri kira-kira 2,500 tetamu jemputan dari seluruh negara.

Beliau berkata, jumlah itu termasuk seramai 1,480 tetamu dari kalangan warga pendidikan Sabah, wakil persatuan dan kesatuan guru Sabah (50), wakil Jabatan Pendidikan Sabah (300), penerima anugerah dan pemenang pertandingan (70), wakil persatuan dan kesatuan guru kebangsaan (100), wakil jabatan pendidikan negeri lain (300), dan pegawai Kementerian Pendidikan (100).

(END)